

JPWPL Komited mendapatkan Pensijilan Semula EKSA Dengan Pelancaran Gotong-Royong Perdana EKSA JPWPL 2022.



Labuan, 28 Mac – Ahli Jawatankuasa EKSA Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) telah mengadakan Gotong-Royong Perdana Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) pada 26 Mac 2022 bermula jam 7.00 pagi hingga jam 12.30 tengah hari, bertempat di Sektor Sumber Teknologi Pendidikan JPWPL yang melibatkan lebih 80 orang warga JPWPL.

Aktiviti ini merupakan gerak kerja semua warga JPWPL dengan membersihkan seluruh kawasan yang terdapat di semua Zon bagi memastikan persekitaran yang kondusif.

Usaha mengembeling tenaga bersama ini merupakan salah satu titik tolak JPWPL ke arah mencapai pensijilan semula EKSA oleh pihak MAMPU pada penghujung bulan Oktober 2022.

Majlis gotong-royong telah dirasmikan oleh Pengarah

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Yusup bin Haji Mohamad.

Semasa ucapan pelancaran, beliau menekankan kepada semua warga JPWPL agar memastikan pejabat sentiasa kondusif bagi warga kerja dan juga kepada pelanggan. Amalan EKSA diharap mewujudkan suasana dan budaya kerja di jabatan yang lebih tersusun, kemas, selesa dan selamat.



Acara menanam pokok doa oleh Pengarah diiringi oleh Timbalan Pengarah SPb, KPP SSTP, KPP SPP, KPP SPg, KPP SPsK dan KPP SPI

Katanya, pelaksanaan Amalan EKSA memerlukan komitmen daripada semua peringkat warga jabatan.

Janganlah menganggap pelaksanaan EKSA merupakan satu lagi tambahan tugas tetapi sebaiknya amalan EKSA diserap, dihayati dan diamalkan bagi mewujudkan suasana kerja yang aman, memupuk semangat berpasukan, sikap bertanggungjawab, menyemarakkan aktiviti kreativiti dan inovasi.

Selain itu ianya akan dapat menggalakkan aktiviti pembudayaan Amalan Hijau dan akhirnya meningkatkan imej

korporat Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan. Aktiviti gotong-royong bukan sahaja menyemai semangat kerjasama tetapi juga mengeratkan sillaturahim di kalangan warga di sesebuah organisasi.

Saya percaya jika kita melakukan sesuatu dengan ikhlas, kemanisan hasil bekerjasama akan lebih dirasai dan berkesan. Semangat gotong-royong perlu disuburkan kerana ia dapat mengeratkan hubungan antara warga jabatan.

Tambahnya lagi, budaya gotong-royong bagi warga perlu dipupuk demi kebaikan semua pihak dan bukan jadi satu alasan kita meminggirkan gotong-royong sebaliknya terus berusaha kerana banyak kerja dapat diselesaikan dengan kerjasama antara satu sama lain.



Aktiviti senamrobik sebelum gotong-royong



Ucapan perasmian oleh Encik Yusup Haji Mohamad Kemuncak aktiviti, Encik Yusup menyempurnakan penanaman pokok sebagai simbolik majlis gotong-royong EKSA dan pembudayaan amalan hijau. Sebelum aktiviti gotong-royong, acara dimulai dengan senamrobik bersama semua warga JPWPL yang hadir.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran, Encik Yahya bin Ahmad Putih dan Ketua-Ketua Penolong Pengarah.

Selain pelaksanaan aktiviti gotong-royong perdana pihak pengurusan telah bersetuju mengadakan gotong-royong pada setiap hari rabu setiap minggu diperingkat sektor masing-masing bermula jam 3.00 petang hingga 5.00 petang.

Pelbagai aktiviti yang juga telah dirancang dengan mengadakan pertandingan zon terbaik, sudut terbaik, bilik kerja terbaik, ruang kerja terbaik, meja terbaik, kreativiti dan inovasi dan pelaksanaan *go green* terbaik.

Terdapat 8 Zon yang mewakili sektor dan mengikut lokasi iaitu Zon Botanikal (Pejabat Pengarah, Sektor Integriti, Sektor Pengurusan, Sektor Pengurusan Maklumat, Sektor Pendidikan Islam), Zon Ramsey (Sektor Perancangan, Sektor Pengurusan Sekolah dan Sektor Pendidikan Khas), Zon

Manikar (Sektor Pembangunan Murid, Sektor Sumber Manusia, Sektor Psikologi dan Kaunseling), Zon Victoria (Sektor Infrastruktur dan Perolehan), Zon Lada (Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan), Zon Chimney (Sektor Pembelajaran dan Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan), Zon Mawilla (Pusat Ko-Kurikulum) dan Zon Benua (Sektor Pengurusan Maklumat).

Untuk rekod, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan pernah mendapat pengiktirafan Sijil EKSA Cemerlang oleh MAMPU pada 1 Jun 2017 sehingga 31 Mei 2019.

Berita Oleh : Jawatankuasa EKSA JPWPL



Gotong-Royong



■
Mengecat



■
Membersih

SSN SMK Mutiara telah melaksanakan 'Continuous Professional Development'



Labuan, 22 Mac 2022 – SSN SMK Mutiara telah melaksanakan 'Continuous Professional Development' (CPD) yang disampaikan oleh Pengetua SSN SMK Mutiara Encik Ag. Rozlan bin Manan. Seramai 67 guru telah menghadiri CPD tersebut yang telah diadakan di Dewan Arena SSN SMK Mutiara. Terdapat 25 intipati yang telah dikongsi oleh Pengetua yang perlu dijadikan fokus gerak kerja warga SSN SMK Mutiara bagi tahun 2022. Gerak kerja berfokus ini sangat penting bagi memastikan 6 aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 dapat direalisasikan.

Pengetua berharap agar semua warga SSN SMK Mutiara yang merangkumi barisan pentadbir, guru – guru dan staf sokongan dapat memberikan kerjasama yang lebih proaktif dan komited dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan. Selain itu warga SSN SMK Mutiara perlu pantas

bertindak serta konsisten dan sentiasa berfokus kepada kecemerlangan. Malah beliau yakin warga sekolah dapat mengekalkan ' *High Performance Attitude*', kerja yang cekap dan komunikasi yang berkesan bagi meneruskan legasi kejayaan – kejayaan yang telah diraih.

CPD ini diakhiri dengan ucapan terima kasih atas segala komitmen, sumbangan dan tahniah atas kejayaan yang cemerlang sepanjang tahun 2021. Beliau berharap tahun 2022 sekolah dapat mengekalkan momentum melalui strategi program atau intervensi yang lebih memberikan impak untuk mengekalkan kecemerlangan dari segi kurikulum, kokurikulum dan kemenjadian murid selari dengan slogan "Mutiarah Hebat, Juara Terpahat".





MRC sampaikan sumbangan untuk murid Labuan



Labuan, 22 Mac – Majlis Getah Malaysia (MRC) telah menyampaikan bantuan awal persekolahan kepada 27 buah

sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan pada Ahad lalu.

Program kerjasama MRC, Jabatan Pendidikan W.P Labuan, Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) dan Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (GMGBM) ini telah diadakan di Dewan Terbuka Pusat Ko Kurikulum Negeri di Merinding.

Menurut Encik Ismail Abdullah, YDP MPSM Labuan yang juga pengetua SMK Pantai, program ini adalah satu inisiatif kerjasama pelibatan pihak swasta untuk meningkatkan persediaan murid-murid sebelum memulakan sesi persekolahan tahun Akademik 2022/2023.

Majlis penyampaian sumbangan telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MRC, Encik Nor Hizwan bin Ahmad.

Dalam ucapannya, beliau berkata MRC komited untuk terus memberi kerjasama dan membantu murid-murid di Labuan terutamanya dari aspek persediaan bahan-bahan pembelajaran.

“Pada tahun ini, MRC menyediakan peruntukan hampir 2 juta untuk bantuan awal persekolahan “back to school” kepada kira-kira 6000 orang murid seluruh negara. MRC akan terus melaksanakan tanggungjawab sosial dengan menyalurkan bantuan secara lebih meluas kepada murid-murid yang memerlukan pada masa akan datang” ujar beliau lagi.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Pengarah Sektor Perancangan, Encik Mohd Nizam bin Yasim yang mewakili Pengarah Pendidikan dan dua Ahli Lembaga Pemegang Amanah MRC, Puan Dayang Rusimah @ Raynie binti Datuk Haji Mohd Din dan Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahim.

Selain itu, YDP MPSM Kebangsaan Encik Mohd Ariffin bin Haji Abdul Rahman dan Encik YDP GMGBM , Tuan Haji Abdul

Rahman bin Ibas turut hadir dalam majlis berkenaan.

Berita Oleh : Sektor Perancangan



**Akidah Mantap Lestari
Sahsiah : Program Dakwah
Bil Hal Peringkat
Kebangsaan 2022**




LABUAN: Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) berjaya melaksanakan Program e-Dakwah Bil Hal Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 dengan tema Akidah Mantap Lestari Sahsiah baru-baru ini.

e-Dakwah Bil Hal (DBH) merupakan suatu inisiatif Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membangunkan modal insan yang berketrampilan, mempunyai jati diri yang tinggi serta memiliki sahsiah dan akidah yang teguh.

Objektif DBH ini diadakan adalah untuk meningkatkan kefahaman mengenai asas-asas agama Islam dari sudut Aqidah, Ibadah Sirah dan Akhlak disamping mendorong kesedaran dan keinginan kepada para peserta untuk melakukan perubahan lebih baik terhadap diri sendiri.

Program yang berlangsung selama tiga hari bermula 23 Februari lalu melibatkan seramai 200 orang peserta daripada enam buah sekolah menengah di wilayah ini. Peserta terdiri daripada murid-murid tingkatan satu hingga tingkatan tiga dengan dibantu oleh sepuluh orang fasilitator daripada kalangan Jurulatih Dakwah Negeri. Turut hadir memantau pelaksanaan DBH Zon W.P. Labuan ialah Tuan Haji Arifuddin Bin Abd Hamid, Ketua Penolong Pengarah, Unit Akidah dan Pemikiran dan Ustaz

Muhamad Shafie Bin Hj Ismail, Ketua Penolong Pengarah, Unit Akhlak dan Syiar Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.



Para peserta sedang mengikuti program secara dalam talian.

Antara pengisian program pada hari pertama ialah sesi taaruf bersama peserta dan barisan urusetia. Ceramah akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah disampaikan oleh Ustaz Muhammad Shafie bin Abdul Ghani, Ceramah Akhlak penyuluh Hidup disampaikan oleh ustaz Mohd Fadzli Sheikh Abdul Rahim, Tahsin Solat dan bacaan surah Al Fatiyah dikendalikan oleh Ustaz Mohd Daud Bin Abdul Rahman. Para peserta juga diberi tugas menjawab soalan kuiz dan membuat pembentangan pada sebelah petang.

Manakala pada sebelah malam pula diadakan majlis bacaan surah Yaasin dan tahlil yang dikendalikan oleh ustaz Mohd Saifulizzan bin Mat Yasin, Juru latih dakwah daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara.



Peserta e-Dakwah Bil Hal menerima cenderamata daripada ustaz Arifuddin dalam program Ziarah Kasih Dakwah Bil Hal. Dalam ucapan alu-aluan oleh Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam (SPI), Kamariah binti Salim merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada barisan urusetia yang diketuai oleh Penolong Pengarah Unit Adab dan Nilai, SPI, Sahrum bin Samlan kerana berjaya menyusun atur program dengan gerak kerja yang pantas dalam memastikan kelancarannya. Beliau menaruh harapan yang tinggi terhadap keterlibatan semua peserta dan juru latih sepanjang program ini berlangsung dalam memastikan impak program tercerna melalui kemenjadian murid.

“Anak-anak ialah permata berharga anugerah Allah. Saya mempunyai keyakinan tinggi terhadap generasi anak-anak kita, kerana bagi saya, anak-anak ialah aset kepada pembangunan negara. Oleh itu, generasi pada hari ini hendaklah dilengkapi dengan bukan sahaja ilmu akademiknya yang tinggi tetapi juga tinggi kebolehan, kemahiran dan kecekapan dalam pelbagai bidang dan lapangan” katanya.

Majlis Penutupan diserikan dengan kehadiran Pengarah Pendidikan JPWPL, Yusup bin Hj Mohamad. Dalam ucapannya

beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah memilih W.P Labuan sebagai salah satu zon dalam penganjuran program yang amat bermakna ini.



"Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Sektor Pendidikan Islam dengan kerjasama sekolah yang terlibat kerana telah berjaya melaksanakan program ini dengan lancar di peringkat Zon W.P Labuan. Tidak lupa juga, sekalung tahniah dan penghargaan kepada Sektor Pendidikan Islam, Jabatan pendidikan Negeri Sabah selaku tuan rumah peringkat Zon Sabah dan tuan rumah Majlis Perasmian Penutupan Dakwah Bil Hal Peringkat Kebangsaan Tahun 2022" katanya lagi.

Majlis Penutupan e-Dakwah Bil Hal Peringkat Kebangsaan telah dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Pendidikan Islam, KPM, Tuan Haji Hassan Nudin bin A. Hamid secara telesidang melalui aplikasi *google meet* secara terus dari Pejabat Pendidikan Daerah Tawau. Turut hadir sama dalam majlis ini ialah Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Sabah, Datuk Dr. Mistirine binti Radin, Timbalan Pengarah Pembangunan Program Adab Dan Nilai, BPI, Noriah binti Harun dan pegawai-pegawai kanan

Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, peserta e-Dakwah Bil Hal dan guru-guru Pendidikan Islam daripada seluruh negara.

Berita Oleh : Sektor Pendidikan Islam



Adik Atikatul A'Aliah menerima hadiah peserta terbaik program e-Dakwah Bil Hal



Encik Yusup sempat merakamkan gambar kenangan bersama urusetia dan pengetua sekolah terlibat dalam program e-Dakwah Bil Hal.



Pegawai-pegawai Sektor Pendidikan Islam merakamkan gambar kenangan bersama Encik Yusup, Arifuddin (tiga dari kanan) dan Muhamad Shafie (tiga dari kiri)

JPWPL Menganjurkan Majlis Bacaan Yassin Dan Doa Munajat Dengan Jalinan Kerjasama SSN SMK Mutiara Sebagai Tuan Rumah.




Labuan, 15 Mac 2022 – Sebagai satu usaha meningkatkan penghayatan Al- Quran, dan memohon pertolongan dari Allah SWT untuk keselamatan serta kemudahan semua calon SPM dan STPM 2021 W.P Labuan, Panitia Pendidikan Islam SSN SMK Mutiara bersama Unit SPI JPWPL telah mengadakan bacaan Yassin dan Doa Munajat warga pendidik secara atas talian. Program ini disertai oleh semua guru di W.P Labuan, warga JPWPL, PIBG dan sebahagian murid-murid SSN SMK Mutiara. Program bacaan Yassin dan Doa Munajat ini, dilaksanakan pada setiap malam dengan jalinan kerjasama sekolah-sekolah di W.P Labuan mengikut giliran yang telah ditetapkan oleh unit SPI JPWPL.

Objektif majlis ini dilaksanakan, sebagai tanda sokongan dan kebersamaan warga pendidik, dalam mendoakan calon-calon peperiksaan SPM dan STPM supaya dapat menjawab soalan peperiksaan dengan mudah, seterusnya beroleh kejayaan yang cemerlang. Di samping itu, warga pendidik turut mendoakan keselamatan, kesihatan dan perlindungan untuk calon SPM dan STPM, serta semua petugas dari sebarang bahaya dan musibah covid- 19.

Majlis Yassin dan Doa Munajat dikelolakan sepenuhnya oleh murid yang dipengerusikan oleh Adik Shamira daripada kelas 2 As Syafie. Manakala bacaan Yassin di ketuai oleh

Adik Mohd AkifSyafie bin Hamzah juga dari kelas yang sama. Bacaan doa Munajat dipimpin oleh Adik Ahmad Dinie bin Bakri dari kelas 4 As Syafie. Mereka terdiri daripada murid-murid Kelas Aliran Agama SSN SMK Mutiara. Unikny, majlis pada malam ini, menampilkan seorang Daie muda berbakat yang menyampaikan tazkirah berkenaan Bulan Ramadhan yang bakal tiba. Beliau ialah Adik Dinca Al Fansia bin Omar Khayyam Ansari dari kelas 3 Juara.




Adik Shamira daripada kelas Aliran Agama 2 As-Syafie, mempengerusikan Majlis Yassin dan Doa Munajat pada malam ini.

Dalam ucapan aluan yang di sampaikan oleh Pengetua SSN SMK Mutiara Encik Ag. Rozlan bin Manan, beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada Panitia Pendidikan Islam atas kejayaan program malam ini, kerana berjaya mencungkil bakat murid dan seterusnya beliau berharap agar calon SPM 2021 memperoleh keputusan yang cemerlang.

Pada akhir majlis, Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran Encik Yahya bin Ahmad Puteh menyatakan, bahawa aspek kemenjadian murid merupakan satu kejayaan yang dapat dilihat kerana kesungguhan ibu bapa dan guru yang hebat, dalam membentuk anak-anak ini. Beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada murid-murid tersebut, ibu bapa dan

warga SSN SMK Mutiara atas pelaksanaan majlis pada malam ini.



Program ini disertai oleh warga guru di WP Labuan, warga JPWPL, PIBG dan sebahagian murid-murid Smk Mutiara.

Berita Oleh : SMK Mutiara

Majlis Anugerah Cemerlang SMK Ranche-Ranche Kali Ke-7



Labuan, 4 Mac – SMK Ranche-Ranche telah mengadakan Majlis Anugerah Cemerlang kali ke-7 bertempat di Dewan Terbuka Sekolah tersebut. Majlis ini diadakan untuk memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada murid-murid yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam bidang kokurikulum, hal ehwal murid, kurikulum dan sahsiah.

Majlis anugerah ini diadakan selama tiga hari berturut-turut iaitu bermula pada 16 Februari 2022 hingga 18 Februari dan telah memberikan penghargaan kepada seramai 92 orang murid dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Majlis ini diadakan selama tiga hari kerana perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) terkini bilangan individu yang dibenarkan berkumpul dalam satu-satu masa.

Menurut Pengetua sekolah tersebut, Ustaz Wan Azman bin Wan Awang, majlis ini diadakan khusus untuk meraikan dan memberi pengiktirafan kepada putera-putera dan puteri-puteri SMK Ranche-Ranche yang telah berusaha gigih demi mencemerlangkan diri dan mengharumkan nama sekolah. Beliau selaku nakhoda bahtera SMK Ranche-Ranche berasa

bangga dengan pencapaian para murid dan guru. Beliau turut mengingatkan agar semua murid perlu ada unsur-unsur penguatan diri dan tidak mengajarkan diri menilai sesuatu keputusan untuk berubah itu menerusi dimensi yang sempit tetapi semestinya perlu bersikap imaginatif dan praktikal terutamanya dalam suasana pandemik ini.

Ustaz Wan Azman turut mengharapkan agar sentuhan majlis ini dapat membuatkan murid-murid tidak melupakan jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh barisan pendidik mithali SMK Ranca-Ranca. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada guru-guru yang telah bertungkus-lumus mendidik dan memberikan tunjuk ajar sehingga mampu melahirkan kemenjadian murid di SMK Ranca-Ranca sepanjang sesi persekolahan 2021/2022. Namun demikian, pengetua turut mengatakan bahawa perjuangan guru-guru dan murid tidak berakhir dalam majlis ini kerana mereka akan menempuh medan peperangan yang penting pada bulan Mac nanti. Pengetua turut berpesan agar mempersiapkan segala kelengkapan serta disulami dengan doa kepada yang maha Esa agar dipermudahkan dalam menjawab peperiksaan nanti.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Pegawai Angkat Sekolah, Ustaz Abdul Kahar bin Abdul Rahim, Penolong Pengarah Pusat Kokurikulum, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan. Dalam ucapan perasmian beliau, beliau menyatakan bahawa pada hari ini, kita bersama-sama meraikan serta mengucapkan tahniah kepada pelajar-pelajar dan guru-guru yang telah menunjukkan ketabahan dan kecekalan untuk terus bersaing dan meningkatkan prestasi cemerlang walaupun proses pembelajaran terganggu kerana berdepan dengan penularan pandemik COVID-19. Beliau yakin banyak perkara yang boleh dipelajari dan ditauladani oleh para pelajar merangkumi semua aspek dan mendoakan usaha berterusan murid-murid dan guru-guru akan memberi manfaat kepada semua pihak.



Majlis ini telah dirasmikan oleh Ustaz Abdul Kahar bin Abdul Rahim, Pegawai Angkat Sekolah SMK Ranca-Ranca

Dalam majlis ini adik Nur Suhaila binti Omar Ali, murid tingkatan 5 diangkat sebagai penerima Anugerah Tokoh Pelajar dan antara calon pelajar cemerlang SPM 2021. Manakala adik Nur Qyairul Syifaa Binti Ryzisyaini yang juga merupakan murid tingkatan 5 telah menerima Anugerah Tokoh Kokurikulum untuk kali ini. Seramai 92 orang murid dan 20 orang guru telah menerima anugerah dan penghargaan dalam majlis yang berlangsung selama tiga hari ini. Seramai 9 orang guru telah diberikan penghargaan daripada pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) atas pencapaian 100% dan peningkatan GPMP mata pelajaran dalam SPM 2020 sebelum ini.

Cikgu Sapri bin Idris telah diangkat sebagai penerima Anugerah Suri Teladan kerana telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang sepanjang tahun 2021 antaranya telah berjaya membawa kemenangan Naib Johan Pusat Sumber Kebangsaan Tahun 2021, Johan Pusat Sumber anjuran Dewan

Bahasa dan Pustaka Sabah 2021 serta Tokoh Inovasi W.P.Labuan 2021. SMK Ranza-Ranza turut memberikan Penghargaan Komuniti Rakan Strategi kepada Pusat Pungutan Zakat Labuan kerana banyak terlibat dalam program-program yang dianjurkan oleh sekolah sepanjang tahun 2021.



Cikgu Sapri bin Idris telah menerima Anugerah Guru Suri Teladan yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam peringkat negeri dan kebangsaan.



Ustaz Abdul Kahar dan barisan pentadbir sekolah bergambar bersama-sama dengan guru-guru dan komuniti penerima anugerah dalam majlis tersebut



Ustaz Abdul Kahar dan barisan pentadbir sekolah bergambar bersama-sama dengan penerima anugerah yang merupakan barisan murid harapan cemerlang SPM 2021

Kedai Jujur SPRM SMKRR Mendapat Sambutan Mengalakkan



Labuan, 4 Mac – Tarikh 14 JANUARI 2022 adalah merupakan pembukaan rasmi kedai Jujur SMK RANCHA-RANCHA W.P Labuan . Kedai jujur ini adalah program kerjasama Antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Kedai jujur SPRM adalah merupakan kedai/kiosk/sudut yang beroperasi pada waktu persekolahan dan menjual barangan bersifat *“fast moving item”* dan ianya bukanlah berorientasikan keuntungan semata-mata tetapi lebih kepada memupuk nilai – nilai jujur dan amanah dalam diri

seseorang individu atau boleh dikenali juga perniagaan "***experiential base leaning***".

Nilai ini lah yang cuba dipupuk oleh SPRM dan KPM ibarat pepatah "melentur buluh biarlah dari rebungnya" Di dalam konteks ini murid-murid ibarat rebung yang perlu dibentuk mengikut acuan yang betul, agar murid-murid ini membesar dalam budaya beretika, menjadi individu yang berkeperibadian mulia. Oleh itu, pelaksanaan kedai jujur SPRM menepati usaha-usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan SPRM dalam mendidik warga sekolah untuk memahami dan mengamalkan nilai murni dan amalan terpuji seperti amanah, jujur dan tidak mengambil hak org lain.

Kedai jujur SMKRR telah diseliasa oleh dua orang guru iaitu cikgu Jasmini Binti Daud dan Cikgu Rosyidi Bin Bakri. Kedai ini beroperasi setiap hari di waktu persekolahan. Kedai Jujur SMKRR juga dijaga dan di urus oleh 3 orang murid sebagai pengurus kedai dan penolong pengurus kedai. Mereka bertugas menyusun atur jualan harian dan mencatat hasil jualan setiap hari. Semua warga SMKRR adalah dialu-alukan membeli di kedai jujur, di mana ianya sangat mesra pengguna. Pengguna atau warga SMKRR boleh membeli sendiri tanpa menunggu penjual. Pembeli boleh membayar barangan yang diambil hanya dengan meletakkan duit di tabung duit yang telah disediakan.

Pengetua SMKRR Wan Azman bin Wan Awang berkata, projek kedai jujur ini merupakan satu program yang sangat baik dan SMK Ranche-Ranche bertuah kerana menjadi pilihan SPRM dan KPM untuk menjalankan program ini. Selain dari memudahkan aktiviti jual beli ianya sangat baik dalam memupuk sifat jujur dan amanah pelajar-pelajar sekolah ini. Kedai Jujur SPRM ini juga di galakkan mengamalkan dan menghayati elemen kebersihan, kesihatan dan keselamatan (3K)



Pengetua juga mengucapkan terimakasih kepada pengurus kedai Jujur cikgu Jasmini dan cikgu Rosyidi atas pelaksanaan Kedai jujur dengan baik dan teratur. Di harap kedai jujur SMKRR akan terus bertahan sampai bila-bila dan dapat mendidik hati pelajar SMKRR bersikap jujur dan amanah yang merupakan pendidikan di luar bilik darjah yang sangat baik djadikan sebagai amalan di sekolah.

Selain itu kedai jujur ini juga mengamalkan prinsip 3K , Penjarakan sosial juga ditekankan kerana membeli di kedai jujur tidak perlu bersesak, pelajar boleh datang membeli secara bergilir pada bila-bila masa di hari persekolahan. Hanya di tutup setelah sesi persekolahan tamat setiap hari. Persekitaran sekolah yang mengamalkan prinsip 3K dapat melahirkan murid yang seimbang dari aspek Jasmani , Emosi , rohani dan intelek yang di tuntutan dalam prinsip pendidikan seumur hidup.

Menurut En Rosyidi Bte Bakri, setakat ini kedai jujur SMKRR sangat mendapat sambutan hangat. Setiap item yang dijual sememangnya cepat habis kerana barangan yang di jual adalah merupakan barangan "first moving" sehingga Feb 2020, modal terpakai hanyalah rm300, menrujuk kepada laporan jualan harian kedai jujur telah balik modal dan

telah dapat menjana sedikit keuntungan.

Sambutan hangat dari warga sekolah terhadap kedai jujur sememangnya menjadi pemakin kepada kelangsungan kedai jujur. Kedai Jujur SMKRR akan terus beroperasi sepanjang persekolahan dengan menjual barangan seperti air mineral, alat tulis dan sedikit makanan ringan.

Di harap kedai JUJUR ini akan terus beroperasi dan terus menjadi pilihan pelajar untuk mendapatkan barangan yang diperlukan dan pihak penyelaras bercadang untuk memuka satu lagi cawangan kedai jujur yang akan di buka di aras 2 bangunan Sekolah, ini akan lebih menarik perhatian warga SMKRR menyokong dan memanfaatkan kedai jujur. Semoga kedai Jujur SMKRR akan terus bertahan dan menjadi sumber pendidikan luar kelas yang sangat bermanfaat kepada warga SMKRR.



